

**Saman Umno: Elegant Advisory gagal dapat rayuan
Malaysiakini.com
August 25, 2010**

Syarikat pembekal barangan pilihan raya, Elegant Advisory hari ini gagal memperoleh kebenaran merayu dari Mahkamah Persekutuan berhubung keputusan membatalkan saman RM218 juta terhadap Umno.

NONESyarikat itu mengemukakan tuntutan saman tersebut kerana Umno didakwa gagal menjelaskan bayaran dan perkhidmatan semasa pilihan raya Umum Ke-11 pada 2004.

Peguam yang mewakili Umno Mohd Hafarizam Harun (kiri) memberitahu mahkamah Umno tidak berhubungan dengan orang tengah bagi mendapatkan bekalan barangan pilihan raya.

"Kita (Umno) tidak berhubungan dengan orang tengah. Kita berhubung secara langsung dengan sub-kontraktor yang mencetak poster dan membekalkan barangan pilihan raya," katanya.

Katanya, jika Elegant Advisory menuntut bayaran, ia harus dimohon bersama sub-kontraktor yang lain.

Peguam Yusfarizal Yusof, yang mewakili Elegant Advisory, berkata sebelum ini, Umno pernah cuba menyelesaikan perkara itu dan mengadakan beberapa mesyuarat tetapi tidak berhasil.

"Ini menelegant advisory barisan nasional posters in 2004 election 110808unjukkan bahawa wujudnya satu bentuk kontrak, sekalipun lisan tetapi Umno harus bayar," katanya.

Pada September tahun lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membatalkan saman RM218 juta oleh pembekal bahan kempen pilihanraya, Elegant Advisory Sdn Bhd terhadap Umno.

Pesuruhjaya kehakiman Anantham Kasinater berkata, beliau berpuas hati bahawa permohonan itu tidak mempunyai asas dan tidak mematuhi Akta Kontrak 1950.

Mahkamah, katanya, berpuas hati bahawa ia tidak memenuhi Seksyen 71 Akta tersebut.

Oleh itu, katanya, mahkamah berpuas hati bahawa tidak ada kaitan kontrak antara Elegant Advisory dan Umno.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/141063>